



25 AUG, 2026

KERJASAMAPERCEPATPERALIHAN TENAGA



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (dua dari kiri) diiringi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad (dua dari kanan) dan Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jasfar (kanan) melancarkan kemudahan pengecasan EV TNB Electron di McDonald's Pandu-Lalu Batu Kawan, Pulau Pinang, dengan mengetik kad pembayaran simulasi pada terminal pengecasan.

KERJASAMA PERCEPAT PERALIHAN TENAGA

McDonald's Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkukuhkan kerjasama strategik bagi mempercepatkan peralihan tenaga negara menerusi tiga inisiatif utama iaitu pemasangan solar bumbung, penggunaan elektrik hijau melalui Tarif Elektrik Hijau (GET) dan penyediaan

kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV).

Melalui kerjasama tersebut, McDonald's Malaysia akan memperluaskan pemasangan sistem solar atap ke 51 restoran tambahan dengan kapasiti gabungan 1.685 megawatt-peak (MWp).

Pada masa sama, syarikat itu turut melanggan GET

melibatkan sehingga 285 restoran atau akaun elektrik dengan penggunaan purata sekitar 15.5 gigawatt-jam (GWh) sebulan, sekali gus menjadi rangkaian restoran perkhidmatan segera pertama dan terbesar di Malaysia yang menyertai program berkenaan.

>> **Lagi berita di muka 31**



25 AUG, 2026

McDonald's, TNB perkukuh kerjasama strategik



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

McDonald's, TNB perkukuh kerjasama strategik

Tiga inisiatif tenaga hijau merangkumi solar bumbung, elektrik boleh baharu dan pengecas EV

BATU KAWAN - McDonald's Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkukuhkan kerjasama strategik menerusi pelaksanaan tiga inisiatif tenaga hijau yang merangkumi solar bumbung, penggunaan elektrik boleh baharu serta kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV) bagi menyokong agenda peralihan tenaga negara.

Kerjasama itu menyaksikan pemeteraian perjanjian baharu di bawah Program Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) bagi pemasangan sistem solar bumbung di 51 restoran McDonald's tambahan dengan kapasiti gabungan dianggarkan 1.685 megawatt-peak (MWp).

Majlis yang disaksikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow itu turut merangkumi penyampaian sijil Tarif Elektrik Hijau (GET) dan pelancaran rasmi fasiliti pengecasan EV TNB Electron di McDonald's Pandu-Lalu Batu Kawan.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi



Shamsul Ahmad (dua dari kanan) menyampaikan sijil Green Electricity Tariff (GET) kepada Azmir (tiga dari kiri).

Tempatan McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar berkata, langkah tersebut sebahagian daripada pelan hala tuju kelestarian syarikat dalam mengurangkan pelepasan karbon dan memperkukuh daya tahan operasi jangka panjang.

"Kerjasama dengan TNB membolehkan kami memperluaskan penggunaan tenaga lebih bersih di seluruh rangkaian restoran selain menyokong komitmen kemampanan

syarikat," katanya dalam satu kenyataan.

Projek solar itu akan dibangunkan oleh GSPARX Sdn Bhd, anak syarikat TNB, dengan pelaksanaan dijangka bermula pada 2026 dan siap sepenuhnya menjelang 2027.

Inisiatif itu merupakan kesinambungan program yang dimulakan pada 2023 melibatkan 100 restoran pandu lalu McDonald's terpilih di seluruh negara.

Dalam pada itu, McDonald's Malaysia

turut melanggan GET melibatkan sehingga 285 restoran atau akaun elektrik dengan penggunaan purata sekitar 15.5 gigawatt-jam (GWh) sebulan.

Langkah itu menjadikan McDonald's syarikat restoran perkhidmatan segera pertama dan terbesar di Malaysia yang menyertai program berkenaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad berkata, kerjasama itu membuktikan bagaimana sektor perniagaan dapat memainkan peranan penting dalam menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) melalui tindakan yang praktikal.

"Peralihan tenaga perlu berlaku di tempat masyarakat tinggal, bekerja dan bergerak. Kerjasama ini membawa tenaga bersih dan mobiliti hijau lebih dekat kepada pengguna serta komuniti," katanya.

Sementara itu, fasiliti TNB Electron di McDonald's Pandu-Lalu Batu Kawan merupakan lokasi pertama rangkaian pengecasan EV TNB dalam sektor makanan dan minuman.

Kemudahan yang beroperasi 24 jam itu dilengkapi pengecas pantas DC berkapasiti 200 kilowatt (kW) dengan dua titik pengecasan dan berpotensi diperluaskan kepada empat titik pada masa depan.